



MAJLIS DAERAH BALING

LAPORAN TAHUNAN 2020

PENGENALAN MAJLIS DAERAH BALING

LATAR BELAKANG BALING

BALING terletak kira-kira 67 kilometer ke timur Sungai Petani. Kawasan letaknya di kaki bukit batu kapur yang tinggi dan cantik yang lebih dikenali sebagai Gunung Baling. Baling juga bersempadan dengan Pengkalan Hulu, Negeri Perak dan juga mempunyai titik sempadan Negara Malaysia - Thailand.

Baling terletak di antara laluan ke Kota Bharu, Kelantan melalui Grik dan Jalan Raya Timur – Barat. Persekutaran Daerah Baling adalah kawasan yang sedang tumbuh membangun dan dihiasi pemandangan sekitar kawasan pertanian iaitu ladang getah, ladang kelapa sawit, dusun buah-buahan, sawah padi dan kawasan berbukit bukau yang indah dan makmur.

Sehingga sekarang Baling masih dikenang dengan peristiwa sejarah sebelum merdeka iaitu, pertemuan di antara Allahyarham **Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama** dengan pemimpin Parti Komunis Melaya iaitu Chin Peng dalam **Rundingan Baling** yang berlaku pada 28hb hingga 29hb Disember 1955, bertempat di Baling English School atau nama barunya, Sekolah Rendah Kebangsaan Tunku Putra (SRKTP).

(Sumber : Sejarah Rundingan Damai Baling, Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia)

Menara Jam Baling

Menara Jam Baling ini juga dikenali sebagai Balai Jam Merdeka telah dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Sultan Kedah pada hari Rabu 25 Februari 1959 bersamaan 17 Syaaban 1378. Manakala batu asasnya telah disempurnakan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Ogos 1957. Pegawai Jajahan Baling pada ketika itu ialah Wan Annuar bin Wan Ishak. Menara ini dibina sebagai persiapan menyambut hari kemerdekaan Tanah Melayu. Kini jam tersebut dilihat sebagai simbol kemerdekaan yang terdapat di Daerah Baling.



Sek.Keb. Tunku Putra

Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, Baling menjadi saksi sebuah lagi catatan sejarah negara. Di sinilah berlakunya peristiwa yang dikenali sebagai Rundingan Baling 1955 yang berlanjut selama 2 hari iaitu pada 28 - 29 Disember 1955 di antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh YTM Tunku Abdul Rahman, Dato Tan Cheng Lock, Presiden MCA dan Encik David Marshall, Ketua Menteri Singapura dengan Parti Komunis Malaya yang diwakili oleh Chin Peng, Setiausaha Agung PKM, Rashid Maidin, Ahli Jawatankuasa Pusat PKM dan Chen Tien, Ketua Propaganda PKM. Namun rundingan tersebut telah gagal mencapai kata sepakat.

Kini sekolah tersebut menjadi satu lagi mercu tanda di Daerah Baling yang mengabadikan sebuah catatan sejarah negara yang membawa kepada usaha Kerajaan dalam membendung pemberontakan komunis pada masa lalu.

(Sumber : Internet, www.memori-kedah.com, Perbadanan Perpustakaan Kedah)

Terdapat dua teori mengenai asal usul nama **BALING** iaitu teori pertama adalah nama Baling dipercayai berasal daripada peristiwa **Raja Bersiong** seperti yang tercatat dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Raja Ong Maha Perita Deria atau lebih dikenali sebagai Raja Bersiong, merupakan raja keempat daripada keturunan Merong Maha Wangsa yang gemar memakan sayur bayam dengan kuah darah manusia. Kelakuan baginda ini dibenci oleh rakyat dan menyebabkan baginda melarikan diri dari istananya yang berpusat di Lembah Bujang. Ketika dalam kepungan menteri dan rakyat, baginda terpaksa berhenti beberapa kali kerana menderita sakit gigi siongnya. Baginda dikatakan telah memulas keluar kedua-dua siongnya di suatu tempat dan membaling gigi siongnya jauh ke suatu tempat. Kawasan tempat Raja Bersiong berada dinamakan Baling dan tempat siongnya jatuh dinamakan Kampung Siong.

Manakala dalam cerita lain, nama **BALING** dikaitkan dengan orang Siam (Thai) dan orang Burma (Myanmar) yang datang ke daerah itu kira-kira 200 tahun dahulu. Mereka datang ke Baling kerana ingin memulakan kehidupan baru. Setelah merentasi pelbagai jenis rintangan mereka sampai ke Baling dan membuat keputusan untuk membuka kawasan hutan di situ. Mereka bergotong-royong menebang hutan dan belukar untuk memulakan penempatan baru. Mereka bercucuk tanam, bermiaga dan membawa sampan penambang untuk menyara hidup. Ada juga dalam kalangan mereka yang mencari kayu di hutan dengan menggunakan gajah. Sungai Ketil yang pada masa itu dalam dan luas, menjadi alat perhubungan utama penduduk tempatan. Sungai itu juga kaya dengan ikan.

Bagi penduduk yang bertani, tanaman mereka sangat berhasil. Mereka gembira melihat sayur-sayuran dan buah-buahan yang begitu menjadi. Akan tetapi, kegembiraan mereka tidak kekal lama. Buah-buahan mereka seperti langsat, rambutan dan durian diserang oleh beribu-ribu kera yang dikatakan datang dari hutan Gunung Baling. Binatang-binatang itu bebas memakan dan memusnahkan buah-buahan mereka. Setelah habis musim buah-buahan, binatang-binatang itu balik ke hutan Gunung Baling. Oleh sebab kaum pendatang itu tidak pernah melihat kera yang begitu banyak mereka menamakan kampung mereka "Ban-Lin" yang bererti "kera". Lama-kelamaan perkataan Ban-Lin bertukar menjadi "Baling".

Manakala dalam cerita lain yang lebih ringkas, nama atau perkataan **BALING** dikatakan berasal daripada perkataan '**Ban Ling**' iaitu sebutan di dalam bahasa Thai yang bermaksud '**Kampung Kera**'. Mengikut cerita, orang Thai menggelar kawasan ini 'Ban Ling' kerana terdapat banyak kera di sekitarnya. Pada zaman dahulu orang dari Selatan Thailand dipercayai menggunakan kawasan ini sebagai laluan untuk memasuki Negeri Kedah. Lama-kelamaan kawasan ini disebut Baling oleh masyarakat Melayu tempatan.

Walaubagaimanapun, teori terbabit adalah cerita lisan yang diwarisi masyarakat di beberapa daerah tertentu di Kedah. Kisah ini diceritakan turun temurun sejak dulu lagi hingga ke beberapa generasi terutamanya di dalam daerah Baling ini sendiri. Kesahihan cerita itu tidak dapat dikenalpasti sehingga kini.

LATAR BELAKANG MAJLIS DAERAH BALING

Majlis Daerah Baling (MDB) merupakan salah satu PBT yang mempunyai kuasa autonomi sebagai sebuah Kerajaan Tempatan. Penubuhannya bermula dengan **Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Baling** pada **1 April 1976** selepas penyusunan semula Pengguna-penguasa Tempatan. Ianya terdiri daripada dua (02) buah Lembaga Bandaran dan tiga (03) buah Majlis Mesyuarat Tempatan. Ini dapat dilihat seperti berikut:-

- Lembaga Bandaran Baling
- Lembaga Bandaran Kuala Pegang
- Majlis Tempatan Kuala Ketil
- Majlis Tempatan Tawar
- Majlis Tempatan Kupang

Kemudiannya satu kajian semula nama Majlis Daerah Kerajaan Tempatan (MDKT) Baling dalam negeri Kedah Darul Aman telah di buat oleh pihak Kerajaan Negeri pada tahun 1987. Hasil daripada pengkajian semula itu telah menyebabkan namanya bertukar kepada **MAJLIS DAERAH BALING (MDB)** selaras dengan keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah bersidang pada **29hb. April, 1987.**

Anggaran keluasan Daerah Baling adalah seluas 1,529 kilometer persegi. Ianya terbahagi kepada lapan mukim iaitu Mukim Siong, Mukim Bongor, Mukim Baling, Mukim Pulai, Mukim Kupang, Mukim Teloi Kanan, Mukim Tawar dan Mukim Bakai. Kawasan ini meliputi satu kawasan parlimen iaitu Parlimen Baling dan terbahagi kepada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Baling, Kupang dan Kuala Ketil.

Jadual Menunjukkan Keluasan Daerah Baling Mengikut Mukim:

(Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Baling 2020, Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MDB)

BIL	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)	CATATAN
1	SIONG	54,270	35.49%	
2	BONGOR	4,470	2.92%	
3	BALING	3,867	2.53%	
4	PULAI	15,615	10.21%	
5	KUPANG	19,925	13.03%	
6	TELOI KANAN	15,410	10.08%	
7	TAWAR	12,743	8.34%	
8	BAKAI	26,600	17.40%	
JUMLAH		152,900	100 %	

Unjuran Penduduk Daerah Baling 2000 - 2020

(Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Baling 2020, Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MDB)

BIL	MUKIM	2000	2010	2020	KPKT 2000-2020(%)
1	SIONG	13,296	13,420	13,887	0.2
2	BONGOR	6,126	6,330	6,609	0.4
3	BALING	8,473	9,180	9,911	0.8
4	PULAI	23,464	24,100	24,796	0.3
5	KUPANG	26,852	34,170	39,699	2.0
6	TELOI KANAN	18,249	21,550	26,895	2.0
7	TAWAR	19,944	23,600	29,458	2.0
8	BAKAI	13,948	15,080	16,978	1.0
JUMLAH		130,352	147,430	168,233	1.5

VISI, MISI DAN OBJEKTIF

VISI :

**“KE ARAH MENJADIKAN BALING SEBUAH PERBANDARAN
YANG TERANCANG, INDAH DAN MAKMUR MENJELANG TAHUN 2020”**

MISI :

**“MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BERKUALITI
BAGI MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN WARGA BALING
MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP, EFEKTIF DAN PROAKTIF”**

OBJEKTIF :

**“MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA PENDUDUK
DAN BERMATLAMAT UNTUK MENJADIKAN DAERAH BALING
SEBAGAI PUSAT PERTUMBUHAN YANG MAJU DAN
KAWASAN PERSEKITARAN YANG INDAH, BERSIH DAN TERSUSUN”**

MOTO

BERSIH :

“MEWUJUDKAN BANDAR YANG BERSIH, SIHAT DAN CERIA”

MAJU:

**“BERGANDING BAHU BERSAMA BAGI MEMAJUKAN BANDAR BALING
DAN MENCAPAI KEMAJUAN YANG DISASARKAN SERTA MENCAPAI WAWASAN 2020”**

SEJAHTERA :

**“BERUSAHA DAN BEKERJASAMA MENJADIKAN BANDAR BALING
BERADA DALAM KEADAAN BERSIH, SIHAT, CERIA
DENGAN KEMUDAHAN REKREASI DAN LANDSKAP
DAN MASYARAKAT HIDUP DALAM KEADAAN AMAN DAN DAMAI”**

FUNGSI UTAMA

Sebagai sebuah PBT yang berhubung secara langsung dengan masyarakat setempat, fungsi dan peranan MDB adalah sangat luas. Berdasarkan kepada Akta 171, fungsi utama MDB meliputi:

- (a) perkhidmatan perbandaran;
- (b) penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam;
- (c) kawalan perniagaan; dan
- (d) pembangunan masyarakat;

MDB turut berfungsi sebagai pihak berkuasa perancang tempatan di bawah Akta 172 dan kawalan pembinaan bangunan melalui Akta 133.

Dalam melaksanakan tugas harian, Majlis Daerah Baling telah menu buhkan beberapa jawatankuasa yang bertujuan melicinkan lagi perjalanan pentadbiran jabatan. Jawatankuasa tetap berkenaan adalah seperti berikut:-

- Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Baling
- Jawatankuasa Tetap Kewangan, Hasil dan Perjawatan
- Jawatankuasa Tetap Perancangan, Kebersihan dan Pengindahan Bandar
- Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan Masyarakat, Kemudahan Awam dan Pengangkutan
- Jawatankuasa Tetap Pusat Setempat (OSC)


Selain daripada jawatankuasa tetap yang ditubuhkan, terdapat juga beberapa jawatankuasa kecil yang dibentuk bagi membantu melicinkan lagi perjalanan pentadbiran jabatan. Jawatankuasa kecil yang ditubuhkan adalah seperti berikut:-

- Jawatankuasa Kecil Pengindahan Dan Landskap
- Jawatankuasa Kecil Pelesenan
- Jawatankuasa Kecil Binaan Haram
- Jawatankuasa Kecil Pelancongan
- Jawatankuasa Kecil Sewaan
- Jawatankuasa Kecil Lalulintas
- Jawatankuasa Kecil Tandas
- Jawatankuasa Kecil Pelaburan
- Jawatankuasa Kecil Pembangunan Tanah
- Jawatankuasa Kecil Cukai Taksiran
- Jawatankuasa Kecil Temuduga Ruang Niaga
- Jawatankuasa Kecil Majlis Ilmu dan Suara MDB'

STRUKTUR PENTADBIRAN DAN CARTA ORGANISASI MDB

Pentadbiran MDB diketuai oleh Yang Dipertua (YDP) Majlis Daerah Baling dengan sokongan 23 orang Ahli Majlis Ex-Officio, Wakil Politik, Wakil Belia dan Wakil Penjaja.

Majlis Daerah Baling mempunyai tenaga kerja seramai 220 orang pegawai dan kakitangan di bawah organisasi yang mempunyai 4 Unit, 8 jabatan dan 12 bahagian. Semua jabatan, bahagian dan unit telah beroperasi sepenuhnya dengan pengambilan kakitangan baru pada awal Julai 2017. Organisasi tersebut dapat dilihat dalam Carta Organisasi Majlis Daerah Baling seperti berikut :-



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN

- Menguruskan dan melaksanakan hal ehwal pentadbiran Majlis.
- Menguruskan Pencalonan untuk Anugerah Bintang dan Darjah Kebesaran.
- Menyelaras mesyuarat dalaman dan luaran Majlis.
- Menguruskan dan mengendalikan program-program rasmi jabatan.
- Mengurus Permohonan luar Negara melalui SISTEM EPSM.
- Menguruskan hal ehwal Ahli Majlis.
- Menguruskan kawalan keselamatan pejabat dan sistem kebersihan bangunan pejabat.
- Menguruskan hal ehwal kebajikan kakitangan Majlis.
- Menyelaras permohonan untuk latihan amali dan kursus peralihan.
- Menguruskan bekalan pakaian seragam kakitangan.
- Menguruskan bekalan penyewaan fasiliti majlis.
- Memproses dan menguruskan semua cuti-cutip pegawai.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

- Merekabentuk Program-Program Yang Diperlukan Oleh Majlis Serta Menulis Program-Program Baru
- Merancang, Menyelia Dan Mengurus Sistem ICT Majlis
- Menyelenggara Rangkaian Dalaman Majlis Termasuk Perkakasan, Perisian, Aplikasi Dan Pangkalan Data
- Membangunkan Dan Mengemaskini Maklumat Laman Portal Majlis Daerah Baling dari Semasa Ke Semasa Mengikut Spesifikasi MAMPU
- Latihan/Kursus ICT Kepada Kakitangan Majlis

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

HRMIS :

- Menyelaras dan memantau pelaksanaan HRMIS di peringkat agensi khususnya aktiviti-aktiviti prapelaksanaan, semua pelaksanaan dan selepas pelaksanaan sesuatu modul atau sub modul HRMIS.
- Bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS dan Pasukan Teras di agensi.

PERJAWATAN :

- Bertanggungjawab dalam hal ehwal perkhidmatan dan perjawatan Majlis.
- Mengurus dan memproses urusan perlantikan, pemangkuuan dan kenaikan pangkat
- Menguruskan, menyedia dan mengemaskini rekod perkhidmatan.
- Menguruskan hal berkaitan Tatatertib.
- Menguruskan hal ehwal berkaitan kaunseling kakitangan

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI:

- Menyelaras dan memantau pelaksanaan sistem EPSM di peringkat agensi khususnya aktiviti-aktiviti prapelaksanaan, semua pelaksanaan dan selepas pelaksanaan sesuatu modul atau sub modul sistem EPSM.
- Membuat perancangan dan menguruskan keperluan kursus dan latihan kakitangan
- Menguruskan peperiksaan perkhidmatan untuk pengesahan jawatan.
- Menguruskan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan menyediakan borang SKT (Laporan prestasi dan APC Tahunan).
- Menguruskan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).
- Menguruskan Pelan Operasi Latihan (POL) kepada kakitangan

JABATAN PERBENDAHARAAN

KETUA JABATAN
PERBENDAHARAAN (W32)

BAHAGIAN TERIMAAN (W29)

BAHAGIAN BAYARAN (W29)


BAHAGIAN PEROLEHAN & ASET (W29)

- | | | |
|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">❖ Memproses Semua Jenis Terimaan❖ Menyediakan Penyata Pemungut❖ Mengutip Tunggakan Cukai Taksiran❖ Menyelenggara Lejer Pertaruhan❖ Menjadi Urusetia Mesyuarat Pentadbiran Dan Kewangan Serta Mesyuarat Unit Tindakan Hasil | <ul style="list-style-type: none">❖ Penyediaan penyata kewangan dan bajet tahunan❖ Memproses semua jenis bayaran❖ Penyediaan penyata terimaan dan bayaran bulanan❖ Menyelenggara daftar bin dan daftar pembayaran❖ Menjadi urusetia mesyuarat JPKA. | <ul style="list-style-type: none">❖ Mengurus Dan Merancang Semua Jenis Perolehan❖ Perekodan Dan Perlabelan Inventori Dan Aset❖ Kawalan Ke Atas Aset Dan Inventori❖ Menjadi Urusetia Mesyuarat JKPAK |
|--|---|--|

1.0 KUTIPAN HASIL MAJLIS DAERAH BALING BAGI TAHUN 2020

Jenis Hasil	Anggaran 2019	Hasil Sebenar 2019	Anggaran 2020	Hasil Sebenar 2020
Hasil Cukai	2,720,000.00	2,868,762.59	4,593,000.00	2,929,762.59
Hasil Bukan Cukai	9,692,500.00	7,082,554.22	10,164,240.00	6,026,841.57
Terimaan Bukan Hasil	3,746,488.00	6,682,518.45	3,646,458.00	5,132,114.30
Jumlah Hasil	16,159,008.00	14,633,422.87	18,403,698.00	14,088,718.46
Peratusan Kutipan	91%		70%	

GRAF TERIMAAN HASIL MAJLIS DAERAH BALING BAGI TAHUN 2019 & 2020




2.0 PERBELANJAAN MAJLIS DAERAH BALING BAGI TAHUN 2020

BELANJA MENGURUS	ANGGARAN 2019	BELANJA SEBENAR 2019	ANGGARAN 2020	BELANJA SEBENAR 2020
EMOLUMEN	8,905,130.00	7,126,296.90	8,324,900.00	7,294,982.95
PERKHIDMATAN & BEKALAN	8,510,870.00	5,413,731.45	9,398,640.00	4,539,698.72
ASET	686,160.00	89,217.00	647,900.00	41,454.00
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	253,020.00	67,365.95	448,020.00	16,000.00
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN YANG LAIN	140,020.00	196,118.58	140,020.00	282,721.37
PERTARUHAN		232,295.30		225,763.43
BELANJA MENGURUS	18,495,200.00	13,125,025.18	18,959,480.00	12,400,620.47
BELANJA PEMBANGUNAN	1,415,000.00	174,389.90	2,195,000.00	38,735.65
JUMLAH PERBELANJAAN	19,910,200.00	13,299,415.08	21,154,480.00	12,439,356.12

3.0 PRESTASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2020

PERKARA	TAHUN	JUMLAH PATUT KUTIP	JUMLAH DIKUTIP	PERATUS KUTIPAN
CUKAI SEMASA	2019	1,600,000.00	1,863,851.36	116%
TUNGGAKAN		1,000,000.00	894,536.34	89%
CUKAI SEMASA	2020	2,550,000.00	2,169,557.76	81%
TUNGGAKAN		1,923,000.00	650,242.33	30%

GRAF KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2019 DAN 2020



REKOD PEMBAYARAN BIL BAGI TAHUN 2019

BULAN	JUMLAH BAUCAR	< 7 HARI	PERATUS	> 7 HARI < 14 HARI	PERATUS	> 14 HARI	PERATUS
JANUARI	7	7	100%		0%		
FEBRUARI	43	38	88%	5	12%		
MAC	58	55	95%	3	5%		
APRIL	72	64	89%	6	8%	2	3%
MEI	53	32	60%	7	13%	14	26%
JUN	87	80	92%	7	8%		0%
JULAI	56	38	68%	14	25%	4	7%
OGOS	34	32	94%	2	6%		0%
SEPTEMBER	43	37	86%	6	14%		0%
OKTOBER	64	53	83%	11	17%		0%
NOVEMBER	54	51	94%	3	6%		0%
DISEMBER	90	85	94%	5	6%		0%
	661	572	87%	69	10%	20	3%

PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA

TAHUN 2020

Status Pelaksanaan Perancangan Sebut Harga								
Jenis	Perancangan	Belum						
Perolehan	Tahunan	Dipelawa	Telah Dikeluarkan					
	Keseluruhan		Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan/Inden					
			Syarikat Bumiputera	Syarikat Bukan Bumiputera	Jumlah Besar			
			Jum. Nilai		Jum. Nilai		Jum. Nilai	
			Perolehan		Perolehan		Perolehan	
	Bil.	Bil.	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
Bekalan	5		5	206,930.60			5	206,930.60
Perkhidmatan	5		5	261,068.23			5	261,068.23
Kerja	20		4	1,373,643.00			4	1,373,643.00

BEKALAN :

	RM
1. ALATULIS	20,110.60
	RM
2. BAHAN PENGECAT	30,000.00
	RM
3. KAYU KAYAN, KONKRIT	78,000.00
	RM
4. TONER & INK PRINTER	42,500.00
	RM
5. BAJU KORPORAT	36,320.00
	RM
	206,930.60

PERKHIDMATAN :

	RM
1. INSURANS KENDERAAN	23,877.27
	RM
2. INSURANS STAF	28,428.37
	RM
3. DOBI	34,758.39
4. KAW.	RM
KESELAMATAN	128,700.00
	RM
5. CUCI PEJABAT	45,304.20
	RM261,068.23

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

KETUA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

BAHAGIAN PENILAIAN

- Memastikan semua pegangan dinilai berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- Memastikan senarai nilai dan dikemaskini berdasarkan pindaan senarai nilai dan, pindahmilik dan pertukaran alamat.
- Menjalankan kerja-kerja penilaian meliputi kerja-kerja lawat periksa, ukur bangunan, lukis pelan dan kiraan penilaian cukai.
- Menyediakan kertas kerja pindaan senarai nilai untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Tetap.
- Menyediakan notis bantahan dan mengendalikan Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan.
- Mencetak bil cukai taksiran yang telah diluluskan.
- Memastikan penilaian semula dapat dilaksanakan setiap 5 tahun.
- Menilai dan memproses Caruman Membantu Kadar
- Menyiasat aduan pegangan yang runtuh, terbakar dan lain-lain.
- Memproses carian rasmi pegangan.
- Memproses permohonan pulangan balik hasil (rebet)
- Memastikan fail-fail pegangan diurus dan disimpan dengan kemas.

BAHAGIAN SEWAAN

- Memastikan semua ruangniaga disewakan.
- Memastikan proses sewaan dijalankan meliputi proses iklan, temuduga, mesyuarat dan penyediaan perjanjian sewaan.
- Mengemaskini penyata penyesuaian sewaan.
- Mengeluarkan surat panggilan temuduga dan surat tawaran.
- Memantau prestasi kutipan hasil sewaan bagi memastikan mencapai sasaran.
- Menyiasat aduan berkaitan sewaan.
- Memastikan ruangniaga menjalankan perniagaan dan mematuhi perjanjian sewaan.
- Mengelurkan notis tunggakan sewaan.
- Melaksanakan operasi tunggakan hasil sewaan.
- Memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Sewaan di jalankan secara berkala.
- Memastikan fail-fail sewaan diurus, disimpan dengan kemas dan selamat.

BAHAGIAN CAJ PEMAJUAN DAN PENGURUSAN HARTANAH


- Menerima permohonan penentuan dan penilaian caj pemajuan dari Jabatan Perancang.
- Menjalankan kerja penilaian meliputi kerja-kerja lawat periksa, ukur bangunan, lukis pelan, data transaksi dan kiraan nilai caj pemajuan.
- Memaklumkan hasil kiraan caj pemajuan
- Membentangkan hasil kiraan caj pemajuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Caj Pemajuan
- Merekod, menyenarai dan menyimpan semua tanah dan aset-aset Majlis.
- Membuat permohonan dan pembelian tanah untuk kegunaan Majlis.
- Mencadangkan pembangunan yang sesuai di tanah Majlis

UNIT TINDAKAN HASIL (UTH)


- Pengukuasaan tunggakan cukai pintu, sewa ruangniaga dan pasar.
- Mengeluarkan notis dan menjalankan sitaan bagi pegangan/premis yang ingkar.
- Mengatur kaunter bergerak
- Menjalankan lawatan tunggakan dari pintu ke pintu

1.0 Bahagian Penilaian

1.1 Jumlah pegangan adalah sebanyak **12,058** dan menghasilkan cukai sebanyak **RM2,654,893.37**



Carta Pie di atas Menunjukkan di dalam Peratusan **UNIT HARTA**



Carta Pie di atas Menunjukkan di dalam Peratusan **JUMLAH HASIL** yang dikutip

1.2 Pegangan yang dinilai pada tahun 2019 dan 2020

Bulan	Pegangan (Unit) 2019	Pendapatan (RM)	Pegangan (Unit) 2020	Pendapatan (RM)
Januari	-	-	148	13,283
Februari	-	-	-	-
Mac	-	-	33	8,386
April	-	-	-	-
Mei	91	286,884.88	-	-
Jun	32	34,314.80	-	-
Julai	-	-	70	16,371
Ogos	-	-	76	17,739
September	-	-	18	17,285
Oktober	-	-	40	6,794
November	-	-	-	-
Disember	149	11,817	37	5,967
JUMLAH	272	333,016.68	422	85,825

1.3 Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi tahun 2020

Bil	Harta	Pegangan	Jumlah (RM)	Catatan
1.	Pembayaran ke atas Sumbangan Membantu Kadar Persekutuan bagi tahun 2020	534	99,138.50	Terima bayaran
2.	Pembayaran ke atas Sumbangan Membantu Kadar Negeri bagi tahun 2020	168	10,824.00	Terima bayaran
	JUMLAH	702	109,962.50	

1.4 Laporan pindahmilik cukai taksiran bagi tahun 2020


Bulan	Jumlah Pegangan	Kadar Pindahmilik (RM)	Pendapatan (RM)
Januari	110	30	3,300
Februari	83	30	2,490
Mac	48	30	1,440
April	-	30	-
Mei	15	30	450
Jun	34	30	1,020
Julai	45	30	1,350
Ogos	52	30	1,560
September	56	30	1,680
Oktober	96	30	2,880
November	47	30	1,410
Disember	37	30	1,110
JUMLAH	623		18,690

1.5 Laporan kutipan hasil pelbagai cukai taksiran bagi tahun 2020

KOD	JENIS	JAN-DIS 2020 (RM)
932180	Penghutang Notis E	806.00
932190	Penghutang Denda Lewat	23,893.90
72499L	Carian Rasmi	330.00
761700	Waran	1,856.75
	JUMLAH	26,886.65

2.0 Bahagian Sewaan

2.1 Jumlah premis/ruangniaga MDB adalah sebanyak **746 unit** dan menghasilkan pendapatan sewa sebanyak **RM2,128,920.00**



Carta Pie di atas Menunjukan di dalam Peratusan **UNIT HARTA**

2.2 Laporan kelulusan kadar dan fi proses sewaan premis/ruangniaga

2.2.1 Analisa dan semakan Kadar Sewa pada 2019

2.2.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Kewangan pada Disember 2019 telah memberi kelulusan kertas kerja MDB No. (K) 82/2019 analisa dan semakan kadar baru sewa bagi premis Majlis Daerah Baling dan berkuatkuasa mulai **1hb Januari 2020**.

2.2.1.2 Kadar kenaikan sewa baru 2020 adalah seperti berikut :

Kategori	Jenis	Jumlah premis	Bil Semasa	Bil Tahunan
11007	Bangunan Perniagaan	417	131,190.00	1,574,280.00
11014	Sewa Gerai	279	43,480.00	521,760.00
11013	Tandas Awam	6	385.00	4,620.00
11012	Bas/Teksi	18	2,335.00	28,260.00
	Jumlah	720	177,410.00	2,128,920.00

2.2.2 Kenaikan Fi Proses Pembaharuan Perjanjian Sewa

2.2.2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Kewangan pada Oktober 2019 telah memberi kelulusan kertas kerja MDB No. (K) 72/2019 cadangan kenaikan fi proses pembaharuan perjanjian sewa dan berkuatkuasa mulai **1hb Januari 2020**.

2.2.2.2 Kadar fi proses pembaharuan perjanjian sewa dengan pindaan kadar fi proses sebanyak **15% dari kadar sewa atau tidak kurang daripada RM50.00 setahun**

2.3 Insentif Rangsangan Ekonomi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah kepada rakyat yang terkesan di atas Pandemik Covid-19.

2.3.1 Cadangan Insentif PBT kepada rakyat dan barisan hadapan (*frontliners*)

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah yang bersidang pada 1 April 2020 mengikut kertas kerja No. 7(F) 156/2020 bersetuju di atas insentif PBT kepada rakyat dan frontliners seperti berikut :-

- i- Semua jenis sewaan premis, ruangniaga, dewan dan tapak hakmilik PBT diberikan rebat sebanyak 50% bagi tempoh 3 bulan mulai April 2020
- ii- Pelanjutan tempoh notis denda tunggakan cukai (Notis E) sehingga 30 Jun 2020

2.3.2 Permohonan Moratorium sewaan, pemberian kerosakan dan pengurangan kadar sewa Bangunan Seri Baling Inn oleh Syarikat SNZ Lexzen Synergy Sdn Bhd

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap pentadbiran dan Kewangan pada Julai 2020 telah memberi kelulusan kertas kerja MDB No. (K) 15/2020 seperti berikut:-

- i- Sewa bulan Mac 2020 diberikan rebat 50%
- ii- Sewa bulan April 2020 sehingga Ogos 2020 dikecualikan sewa
- iii-Sewa bulan September 2020-Disember 2020 diberikan rebat 54.5%

2.4 Jumlah kutipan hasil pelbagai bagi tahun 2020

KOD	JENIS	DIS 2020 (RM)	JAN-DIS 2020 (RM)	JAN-DIS 2019 (RM)	PERBEZAAN 2019 & 2020 (RM)
72408F	Fee Proses sewa	300	4,860.00	4,260.00	600
724991	Pindahmilik/ Gandaan Fee	11,225.00	49,510.00	17,632.20	31,877.80
	JUMLAH	11,525.00	54,370.00	21,892.20	32,477.80

2.5 Jumlah Notis dan Kutipan Hasil Tunggakan Sewa Premis

Bulan	Zon Baling/Kg Lalang/Kupang	Zon Kuala Ketil	Pendapatan (RM)
Januari	30	25	92,161.20
Februari	30	18	77,658.01
Mac	0	0	62,654.62
April	0	0	950.00
Mei	0	0	22,934.00
Jun	0	0	40,364.50
Julai	40	30	32,285.30
Ogos	25	31	27,762.00
September	40	30	47,774.90
Oktober	15	10	33,043.50
November	30	25	29,412.20
Disember	40	50	40,174.60
JUMLAH	250	219	507,174.83

2.6 Laporan Waran Operasi Sitaan Sewa Tahun 2020

Bulan	Zon Baling/Kg Lalang/Kupang	Zon Kuala Ketil	Pendapatan (RM)
Januari	0	0	0
Februari	0	0	7
Mac	0	0	0
April	0	0	0
Mei	0	0	0
Jun	0	0	0
Julai	0	0	0
Ogos	0	0	0
September	0	0	0
Oktober	0	0	0
November	0	0	2
Disember	0	0	0
JUMLAH	0	0	9

3.0 CAJ PEMAJUAN DAN PENGURUSAN HARTANAH

3.1 Laporan Caj Pemajuan bagi Tahun 2020

Bil	Nama Projek	Jumlah	Catatan
1.	Kebenaran Merancang Pembangunan Perumahan a. 12 Unit R/Teres 1 Tingkat b. 24 R/Berkembar 2 Tingkat Atas Lot 7266&7267, Rambong, Mukim Pulai, Baling.	RM43,400.00	Selesai Telah Bayar 10% (RM4,340.00)
2.	Kebenaran Merancang Untuk Serah dan Berimilik Tujuan Pembangunan Ladang Solar Di atas Lot PT 6933, Kuala Ketil	RM1,115,000.00	Selesai Telah Bayar
3.	Kebenaran Merancang Bagi 50 Unit R/Berkembar 1 Tingkat dan 5 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat di atas Lot 1345, Mukim Kupang, Baling	RM95,000.00	Selesai Telah Bayar 10% (RM9,500.00)
4.	Kebenaran Merancang Bercampur(Perumahan dan Perniagaan) atas sebahagian Lot PT 6933, Kuala Ketil, Baling.	RM1,550,000.00	Selesai Telah Bayar 10% (RM155,000.00)
5.	Kebenaran Merancang 7 Unit Kedai/Pejabat 2 Tingkat(Hakmilik Individu) 19 Unit Kedai/Pejabat 2 Tingkat dan 1 Unit Medan Selera 2 Tingkat (Hakmilik Strata) di atas Lot 5025 (Lot Lama 254), Kuala Ketil, Baling		KIV
6.	Kebenaran Merancang Sebuah Pusat Membeli Belah 2 Tingkat di atas Lot 5028 (Lot Lama 257), Kuala Ketil, Baling		KIV
7	Kebenaran Merancang Lot PT 6394 dan 6935, Mukim Tawar a. 1 Tapak Perniagaan b. 4 unit Rumah Sesebuah c. 24 unit Rumah Berkembar d. 101 unit Rumah Teres	RM450,000.00	Selesai
8	Permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan Membina Sesebuah Stesen Minyak Caltex di atas Lot 156, Kuala Ketil	RM37,561.92	Telah bayar 10% (RM3,756.00)
9	Permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan :- a. 34 Unit Rumah Teres 1 Tingkat b. 10 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat di atas PT 6803, PT 6086 (Lot Baru 513-516), Tawar	RM56,000.00	Selesai
10	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Stesen Minyak yang mengandungi a. 4 unit Ruang Perniagaan 1 Tingkat b. 1 Unit Pejabat Pengurusan 1 Tingkat c. 1 Unit Pencawang Elektrik 1 Tingkat d. 1 Unit Tandas dan Surau 1 Tingkat di atas Lot PT 8888, Pekan Tawar, Daerah Baling		KIV

Bil	Nama Projek	Jumlah	Catatan
11.	Permohonan kebenaran merancang bagi cadangan 12 unit Rumah Berkembar Setingkat di atas Lot 60146 (Lot Lama 588), Seksyen 25, Bandar Baling, Daerah Baling, Kedah Tentuan : Lagun Hartamas Sdn Bhd	RM26,000.00	Selesai Telah Bayar
12.	Permohonan Merancang Kepada Sebuah Stesen Minyak dan Servis (Petron) 1 Tingkat dan Kemudahan yang Berkaitan di atas lot 11807, Mukim Kupang, Daerah Baling, Kedah Tentuan : Nurah Binti Abdul Rahman, Isa Bin Haji Musatafa dan Ibrahim bin Haji Mustafa.	RM73,496.22	Selesai Telah Bayar 10% (RM7,349.62)
13.	Permohonan kebenaran merancang bagi cadangan meroboh & membina semula satu blok bangunan kilang papan terbuka satu tingkat di atas Plot 9 (Plot baru 211)(sebahagian PT 6913) mengikut pelan Kelulusan (MDB 003/1A-946(1B-1D) Kawasan Perusahaan Kuala Ketil, (Fasa II) Mukim Tawar, Daerah Baling, Kedah Tetuan : Genting Ehsan (SP) Sdn Bhd	RM121,898.30	Selesai
14.	Permohonan kebenaran merancang bagi cadangan sebuah bangunan perniagaan 1 tingkat di atas PT 10577, Mukim Pulai, Daerah Baling, Kedah Tetuan : PSM Property Sdn Bhd	RM26,281.16	Selesai Telah Bayar
15.	Permohonan kebenaran merancang kepada 11 unit Lot Rumah sesebuah di atas Lot 561, Bandar Kupang, Daerah Baling, Kedah Tetuan : Abdul Rashid Bin Abas		batal
16.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan 1 unit Rumah Sesebuah Setingkat dan 10 Unit Rumah Berkembar Setingkat di atas PT 1287 (Sebahagian Lot 631) Seksyen 25, Bandar Baling, Daerah Baling, Kedah Tentuan : Jasa Bumimaju Sdn Bhd	RM23,000.00	Selesai Telah Bayar
17.	Permohonan Kebenaran merancang bagi cadangan membina sebuah gudang perniagaan setingkat dan bangunan pejabat 3 tingkat dan bangunan pejabat 3 tingkat di atas Lot 5019 (Lot Asal 74) Bandar Kuala Ketil, Daerah Baling, Kedah Tentuan : Tetuan Umy Food Industries Sdn Bhd	RM72,000.00	Selesai Telah Bayar
	JUMLAH	RM 3,599,559.54	RM1,313,596.19

4.0 UNIT TINDAKAN HASIL (UTH)

4.1 Laporan Kutipan Hasil Tahun 2020

4.1.1 Cukai Taksiran

Bulan	Semasa	Tunggakan	Jumlah (RM)
PATUT KUTIP	2,613,609.80	2,364,026.40	4,977,636.20
Januari	465,422.74	123,041.62	588,464.36
Februari	631,341.21	110,581.66	741,922.87
Mac	55,835.15	35,477.80	91,312.95
April	8,155.30	5,469.80	13,625.10
Mei	19,997.96	19,261.40	39,259.36
Jun	106,485.98	65,685.00	172,170.98
Julai	160,195.23	43,443.30	203,638.53
Ogos	448,829.32	32,073.85	480,903.17
September	59,221.51	51,729.22	110,950.73
Oktober	76,008.95	61,176.53	137,185.48
November	39,099.26	37,448.55	76,547.81
Disember	100,752.5	73,352.70	174,105.20
JUMLAH TERIMAAN	2,170,554.11	657,509.43	2,828,063.54
PERATUS KUTIPAN	83.05%	27.81%	56.82%

4.1.2 Sewa Ruangniaga/Premis

Bulan	Semasa	Tunggakan	Jumlah (RM)
PATUT KUTIP	1,862,805.00	784,266.03	2,647,071.03
Januari	39,791.40	92,161.20	131,952.60
Februari	82,989.09	77,785.01	160,774.10
Mac	65,588.78	62,654.62	128,243.40
April	790.00	950.00	1,740.00
Mei	30,504.00	22,934.00	53,438.00
Jun	95,144.40	40,364.50	135,508.90
Julai	98,716.50	32,285.30	131,001.80
Ogos	114,762.00	27,635.00	142,397.00
September	142,551.60	47,774.90	190,326.50
Oktober	111,461.80	33,043.50	144,505.30
November	157,533.50	29,412.20	186,945.70
Disember	192,239.90	40,174.60	232,414.50
JUMLAH TERIMAAN	1,132,072.97	507,174.83	1,639,247.80
PERATUS KUTIPAN	61%	65%	62%

4.1.2 Sewa Ruangniaga/Premis

Bulan	Semasa	Tunggakan	Jumlah (RM)
PATUT KUTIP	1,862,805.00	784,266.03	2,647,071.03
Januari	39,791.40	92,161.20	131,952.60
Februari	82,989.09	77,785.01	160,774.10
Mac	65,588.78	62,654.62	128,243.40
April	790.00	950.00	1,740.00
Mei	30,504.00	22,934.00	53,438.00
Jun	95,144.40	40,364.50	135,508.90
Julai	98,716.50	32,285.30	131,001.80
Ogos	114,762.00	27,635.00	142,397.00
September	142,551.60	47,774.90	190,326.50
Oktober	111,461.80	33,043.50	144,505.30
November	157,533.50	29,412.20	186,945.70
Disember	192,239.90	40,174.60	232,414.50
JUMLAH TERIMAAN	1,132,072.97	507,174.83	1,639,247.80
PERATUS KUTIPAN	61%	65%	62%

4.1.3 Sewa Pasar

Bulan	Semasa	Tunggakan	Jumlah (RM)
PATUT KUTIP	85,560.00	234,536.50	320,096.50
Januari	1,460.00	10,685.00	12,145.00
Februari	1,900.00	4,755.00	6,655.00
Mac	1,600.00	4,910.00	6,510.00
April			-
Mei	3,325.00	12,115.00	15,440.00
Jun	3,122.50	4,845.00	7,967.50
Julai	2,482.50	5,895.00	8,377.50
Ogos	3,307.50	4,167.50	7,475.00
September	3,252.50	2,385.00	5,637.50
Oktober	2,590.00	2,695.00	5,285.00
November	4,670.00	4,370.00	9,040.00
Disember	9,777.50	10,942.50	20,720.00
JUMLAH TERIMAAN	37,487.50	67,765.00	105,525.50
PERATUS KUTIPAN	43.81%	28.89%	32.96%

4.2 Laporan Senarai Pengeluaran Notis E Tahun 2020

BIL	TAMAN	UNIT PENUH	JUMLAH NOTIS E	JUMLAH PENUH	BAYAR	BAKI
1	HJ MUSLIM	154	82	43,328.00	4,177.00	39,151.00
2	BATU PEKAKA	240	116	12,825.65	576.50	12,249.15
3	YASMIN	70	26	12,825.65	5,320.45	7,505.20
4	PERMAI	80	24	12,038.44	3,885.95	8,152.49
5	TANJUNG PUTERI	329	95	45,926.12	14,577.13	31,348.99
6	ORKID	320	190	85,662.05	34,484.00	51,178.05
7	KETIL INDAH	28	16	5,867.00	945.00	4,922.00
8	BERJAYA	75	55	11,069.00	3,588.00	7,481.00
9	TAMAN KUALA KETIL	34	10	8,071.00	3,977.00	4,094.00
10	PERMAI JAYA	129	59	21,883.00	4,007.00	17,876.00
11	SRI GADING	32	14	6,272.50	1,945.00	4,327.50
12	SRI PUTERI	15	6	665.00	416.00	249.00
13	INDAH	84	22	18,687.50	2,368.00	16,319.50
14	BESTARI	21	10	5,708.00	931.50	4,776.50
15	LADANG PELAM, MALAU	244	244	60,692.00	26,732.00	26,732.00
JUMLAH		1,855	969	351,520.91	107,930.53	236,362.38

4.3 Laporan Operasi Waran Sitaan Cukai Taksiaran Tahun 2020

BIL	TAMAN	JUMLAH WARAN	JUMLAH (RM)	TERIMAAN (RM)	BAYARAN (UNIT)
1	TAMAN INSANIAH	20	17,468.00	13,886.00	18
2	TAMAN DESA BIDARA	56	70,373.00	22,073.30	24
3	TAMAN AMAN PERWIRA	17	12,241.00	5,058.00	7
4	TAMAN DESA KENANGA	6	5,255.00	2,218.60	4
5	TAMAN DESA TERATAI	2	1,538.50	1,538.50	2
6	TAMAN MAHAMERU	2	2,503.00	1,834.00	2
7	LOT KOPERASI TAMAN KOTA JAYA	2	3,530.00	1,646.50	2
8	TAMAN DESA MELOR	1	755.00	755.00	1
9	TAMAN DESA CEMPA	1	980.00	500.00	1
10	TAMAN HARMONI	4	4,901.00	2,742.00	3
11	TAMAN SEMARAK	3	5,305.00	2,600.00	2
12	TAMAN MESRA	4	5,081.00	1,333.00	1
13	TAMAN DESA ANGGERIK	7	4,558.00	700.00	3
14	TAMAN ORKID	37	33,175.00	15,196.40	11
JUMLAH		162	167,663.50	72,081.30	70

4.4 Laporan Kaunter Bergerak UTH Tahun 2020

LAPORAN KAUNTER BERGERAK UTH TAHUN 2020				
BULAN	BAYARAN SEWA	BAYARAN CUKAI	LAIN2	JUMLAH
JANUARI	15,627.00	3,540.40	50.00	19,217.40
FEBRUARI	19,441.18	2,025.25	2,387.15	23,853.58
MAC	9,420.00	55.00	270.00	9,745.00
APRIL	PKP			
MEI	14,400.00	354.00		14,754.00
JUN	21,163.08	-	-	21,163.08
JULAI	15,982.50			15,982.50
OGOS	6,897.50	-	-	6,897.50
SEPTEMBER	9,577.00	-	2,670.00	12,247.00
OKTOBER	5,640.00	-	-	5,640.00
NOVEMBER	7,260.00	-	-	7,260.00
DISEMBER	16,590.00	26,732.00		43,322.00
JUMLAH	141,998.26	32,706.65	5,377.15	180,082.06

4.5 Laporan Pengeluaran Notis dan Bil Sewa Tahun 2020

BULAN	NOTIS		BIL	PENDAPATAN (RM)
	ZON BALING / KG LALANG/ KUPANG	ZON KUALA KETIL	SEMUA ZON	
JANUARI	30	25	746	92,161.20
FEBRUARI	30	18	746	77,658.01
MAC	0	0	746	62,654.62
APRIL	0	0	0	950.00
MEI	0	0	0	22,934.00
JUN	0	0	0	40,364.50
JULAI	40	30	0	32,285.30
OGOS	25	31	746	27,762.00
SEPTEMBER	40	30	746	47,774.90
OKTOBER	15	10	746	33,043.50
NOVEMBER	30	25	746	29,412.20
DISEMBER	66	22	450	40,174.60
JUMLAH	246	191	5,672	507,174.83

5.0 Aktiviti Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta sepanjang tahun 2020

5.1- Edaran penyata pemilik dan bil cukai taksiran penggal 1/2020 di Kuala Ketil pada 1hb Mac 2020



5.2- Mesyuarat Penghantaran Bil Cukai Taksiran Penggal ke-2 tahun 2020 secara in house pada 9hb Jun 2020



5.3- Penyisihan dan pengeposan bil cukai taksiran penggal ke-2 tahun 2020 mengikut kawasan pada 14 & 15 Jun 2020 oleh Jawatankuasa Sisih dan Pos



5.4- Taklimat penghantaran bil cukai taksiran kepada kakitangan MDB yang terlibat secara In house pada 18hb Jun 2020



5.5- Lawat periksa kilang dan stesen minyak di kawasan Tawar dan Kuala Ketil pada 11hb Jun 2020



5.6- Penyerahan Bil Cukai Taksiran di Kawasan Perindustrian Kuala Ketil oleh unit tindakan hasil (UTH) pada 23hb & 29hb Jun 2020



5.7- Lawat periksa Kampung Seberang Pekan bagi menyusun semula pelan tataletak pada 28 Jun 2020



5.8- Lawat periksa Pekan Parit Panjang untuk mengukur, memeriksa bangunan baru pada 29 Jun 2020



5.9- Penghantaran Bil Cukai Pintu Penggal ke 2 2020 oleh Kakitangan MDB



5.10- Penghantaran Bil Cukai Taksiran di Kampung Binjul Luar Tawar pada 2 Julai 2020



5.11- Mesyuarat Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta kali ke 2/2020 pada 5hb Julai 2020



5.12- Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan Tanah dan Pelaburan pada 14hb Julai 2020



5.13- Cucian rumah kedai pekan baru baling G,H, E,F dan medan ilmu pada 6 oktober 2020



5.14- Cucian rumah kedai pekan baru baling G,H,E,F,J,K,X,Y,Z dan medan ilmu pada 20hb dan 25hb februari 2020



5.15- Mesyuarat jabatan penilaian dan pengurusan harta kali ke 4 pada 17hb november 2020



5.16- Lawatan notis E tunggakn cukai pintu di Taman Orkid Kuala ketil pada 18hb November 2020



5.17- Majlis perjumpaan wakil MDB bersama wakil komuniti Parit Panjang pada 30hb Oktober 2020




5.18- Cucian bangunan Arked MDB Kuala ketil dan Rumah kedai Pekan Baru Kuala Ketil pada 17hb November 2020



5.19- Cucian Rumah kedai P,Q,X,Y dan Z pada 16hb November 2020



5.20- Sitaan no 39 & 40 Kompleks Teksi Baling pada 24hb November 2020



5.21-Penghantaran notis E tunggakan cukai taksiran di kawasan KKCC dan Taman Permai Jaya pada 25 November 2020



5.22- Lawatan sambil belajar dari Majlis Daerah Sik pada 2hb Disember 2020



5.23- Mesyuarat penghantaran bil cukai pintu penggal 1/2021 pada 8hb Disember 2020



5.24- Penyisihan bil cukai pintu mengikut kawasan pada 9hb Disember 2020



5.25- Taklimat penghantaran bil cukai taksiran penggal 1/2021 pada 16 Disember 2020



5.26- Operasi sitaan cukai pintu di Taman Orkid Kuala Ketil pada 21hb Disember 2020



5.27-Mesyuarat sewaan ruangniaga MDB kali ke 5/2020 pada 8hb Disember 2020



5.28-Mesyuarat Penilaian Semula pada 29 Disember 2020



JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

KETUA JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

BAHAGIAN PERLESENAN

- Memproses semua permohonan berkaitan lesen premis perniagaan berisiko dan tidak berisiko termasuk perniagaan khas, perniagaan sementara, industri, penjaja dan iklan.
- Mengawalselia pasar awam, pasar borong dan pasar malam/tani/hari/minggu.

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

- Mengawalselia tapak pelupusan sampah
- Melaksanakan aktiviti kawalan vektor dan haiwan pembawa penyakit
- Mengawalselia kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan perkhidmatan majlis

BAHAGIAN INSPEKTORAT

- Menjalankan pemeriksaan semula semua premis perniagaan yang telah dilesenkan
- Menjalankan pemeriksaan dan pengauditan premis makanan dan tandas awam.

BAHAGIAN LESEN


1.2 KUTIPAN HASIL JABATAN

1.2.1 HASIL LESEN PERMIT

Pada tahun 2020 jumlah keseluruhan kutipan adalah sebanyak RM 871,032.98.

Bil	Perkara	2020 (RM)
1	PERMIT PERNIAGAAN	422,039.08
2	PERKHIDMATAN	73,283.90
3	SEWAAN	277,902.50
4	DENDA / HUKUMAN	14,346.70
5	ASET SEMASA	60,780.00

1.2.2 PERBANDINGAN KUTIPAN JABATAN



1.3 JADUAL LESEN DAN KADAR

1.3.1 IKLAN /BANNER

Bahagian Pelesenan menerima permohonan pemasangan iklan bagi tahun 2020 adalah sebanyak **173**. Jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak RM 36,142.00

BIL	JUMLAH BANNER	LESEN	PERTARUHAN
1	< 20 KEPING	RM 30.00	RM 150.00
2	21 - 40 KEPING	RM 60.00	RM 200.00
3	41 - 60 KEPING	RM 90.00	RM 250.00
4	61 - 80 KEPING	RM 120.00	RM 300.00
5	81-100 KEPING	RM 150.00	RM 400.00
6	> 100 KEPING	RM 300.00	RM 500.00

1.3.3 PENJAJA

Untuk kadar lesen penjaja dibiayai oleh kerajaan Negeri Kedah dan Majlis akan membuat tuntutan kepada Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah mengikut jumlah permohonan dan pembaharuan lesen penjaja .

JENIS	BILANGAN	KADAR
PENJAJA RODA TIGA	269	RM45.00
KERETA TOLAK	1	RM40.00
VAN	5	RM30.00
STATIK	164	RM 5.00
PASAR TANI	1870	RM10.00
PASAR MALAM/HARI	1753	RM10.00

1.3.2 PERNIAAN SEMENTARA

Kadar lesen perniagaan sementara seperti ekspo , uptown dan peniaga persendirian yang dijalankan bukan musim perayaan.

BIL	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH (RM)
1	LESEN	KHEMAH	30.00
2		1 - 4 HARI	100.00
3	SEWA TAPAK	5 - 10 HARI	80.00
4		11 -20 HARI	60.00
5		21 KE ATAS	30.00
6	LESEN BANGUNAN SEMENTARA	KHEMAH	10.00
7	PERTARUHAN KEBERSIHAN	RM 2000.00 @ RM 500.00 @ RM 200.00 @ RM 50.00	

1.4 JUMLAH PREMIS YANG DILESENKAN

- 1.4.1 Terdapat sebanyak 275 kemasukan permohonan lesen premis termasuk penjaja bagi tahun 2020.
- 1.4.2 Berikut adalah bilangan permohonan baru bagi tahun 2019 dan 2020 yang telah mendapat status kelulusan :-

BIL	JENIS	JUMLAH
1	TIDAK RISIKO	135
2	RISIKO	37
3	PENJAJA	22
4	MAKANAN / MINUMAN	37
5	GUNTING RAMBUT	2
6	PASAR	44
7	KANTIN	1
JUMLAH		278

- 1.4.3 Sebanyak 10 fail permohonan tidak lengkap dan tidak menjalankan perniagaan seperti yang dipohon tidak menjalankan perniagaan lagi. Fail permohonan ini akan dibentangkan dalam tahun 2020



1.5 JUMLAH TAPAK PASAR MALAM / HARI

- Terdapat 16 buah/lokasi pasar minggu/malam di seluruh daerah Baling. Pasar minggu/pasar malam dan pasar Rabu di pekan Baling dikendalikan sendiri oleh Majlis.
- Lain-lain pasar minggu/malam dikendalikan oleh penganjur dengan bayaran sewa Tapak dan perkhidmatan mengikut harga tetap bulanan mulai Januari, 2020.
- Hasil perbincangan Majlis dialog penganjur pasar hari / malam daerah Baling bersama Tuan Setiausha pada 6hb. Disember, 2018. Majlis memutuskan kadar bulanan seperti berikut:-

NAMA PASAR	KADAR BAYARAN
PM SUNGAI LIMAU	RM 60.00
PM/H KUPANG	RM 2000.00
PM/H KG. LALANG	RM 350.00
PM DESA BIDARA	RM 300.00
PH K.KETIL	RM 300.00
PM KUALA PEGANG	RM 150.00
PH KUALA PEGANG	RM 60.00
PH KUALA KETIL	RM 800.00
PM JERAI	RM 400.00

BIL	HARI	TEMPAT	JENIS PASAR
1	AHAD	K.KETIL P.PANJANG	P.MALAM P.MALAM
2	ISNIN	K.PEGANG	P.MALAM
		KG.LALANG	P.PAGI
3	SELASA	K.KETIL SG. LIMAU	P.MALAM P. MALAM
		SIMPANG 3, JERAI	P.MALAM
4	RABU	K.PEGANG	P.PAGI
		TAWAR	P.PAGI
5	KHAMIS	KG.BANDAR KG.BADANG	P.MALAM P.MALAM
		MALAU	P.MALAM
6	JUMAAT	KUPANG KG.LALANG	P.PAGI P.PAGI
7	SABTU	KUPANG K.KETIL	P.PAGI P.PAGI

SENARAI HARI OPERASI PASAR

BIL	KAWASAN	JUM. PENIAGA	PENGANJUR
1	K.ketil	150	Penjaja Kecil Melayu
2	P.Panjang	80	Koperasi Usahawan Islam
3	K.Pegang	40	PIBG Sek.Men K.Pegang
4	Kg.Lalang	80	Koperasi Serbaguna Kg.Lalang
5	Simpang 3 Jerai	70	Mesra 30 Enterprise
6	Tawar	50	PIBG SK Tawar
7	Kg.Bandar	30	Koperasi
8	Kg.Badang	25	Kariah Masjid Badang
9	Malau	50	Masjid Jamek Malau
10	Kupang	100	Koperasi Pasar Melayu
11	Sungai Limau	50	Koperasi Penjaja Pasar Melayu

1.6 JADUAL PELAKSANAAN MESYUARAT LESEN

Jawatankuasa ini berfungsi untuk mempertimbangkan permohonan lesen perniagaan. Pada asalnya, ianya berfungsi mempertimbangkan lesen tred dan lesen berisiko sahaja. Mulai tahun 2010, semua lesen kecuali pasar dan pasar minggu dipertimbangkan di dalam jawatankuasa ini.

BIL	KALI MESY.	TARIKH
1	1/2020	04.08.2020
2	2/2020	09.09.2020
3	3/2020	18.10.2020
4	4/2020	19.10.2020
5	5/2020	18.12.2020



Jawatankuasa ini dianggotai oleh:

- Tuan Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan (Pengurusan Tanah)
- Tuan Ketua Polis Daerah Baling
- Puan Pegawai Kesihatan Daerah Baling
- Tuan Haji Mohd Nawawi bin Ahmad, BKM, PPL.
- Encik Zelani bin Nik Chik, PJK.
- Encik Muhamad Subri bin Yahaya
- Y.Bhg. Dato' Ishak bin Mat, DIMP., SDK., AMK., BKM., PJK.
- Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Khairul Azhar bin Abdullah, DIMP., AMK., PJK.
- Puan Wan Soleha binti Aziz
- Encik Balachanter a/l Supramany
- Puan Norzihan binti Aziz
- Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Ketua Jabatan Penguatkuasaan
- Ketua Jabatan Kejuruteraan
- Ketua Bahagian Pembangunan Pelancongan dan Rekreasi
- Ketua Bahagian Bangunan
- Ketua Bahagian Infrastruktur dan Penyelenggaraan
- Ketua Unit Undang-undang



2020-11-15 10:28

BAHAGIAN PELESENAN

Taklimat dan Pemilihan Lot Bazar Ramadhan

TARIKH : 02 Mac 2020 (Isnin)
MASA : 9.00 pagi – 4.00 petang
TEMPAT : Tapak Parking Majlis Daerah Baling, Baling



BAHAGIAN PELESENAN

PENDAFTARAN UNTUK RIDER COD BULAN RAMADHAN (PKP)

TARIKH

: 03 – 05 MEI 2020

MASA

9.00 Pagi – 1.00 Tengahari

TEMPAT

: Kaunter Pelesenan, Majlis Daerah Baling, Baling



BAHAGIAN PELESENAN

TAKLIMAT PASAR KHAS PKPP

TARIKH : 10 Jun 2020 (Rabu)
MASA : 10.00 Pagi
TEMPAT : Dewan Tun Abdul Razak (Baru) Baling



BAHAGIAN PERLESENAN

LAWATAN TAPAK PASAR KHAS PKP MAJLIS DAERAH BANDAR BAHRU

TARIKH : 14 JUN 2020
MASA : 2.00 PETANG
TEMPAT : TAPAK PASAR KHAS PKP BALING



BAHAGIAN PELESENAN

LAWATAN TAPAK PASAR KHAS PKP MAJLIS DAERAH PADANG TERAP

TARIKH : 17 JUN 2020
MASA : 11.00 PAGI
TEMPAT : TAPAK PASAR KHAS PKP BALING



BAHAGIAN PELESENAN

TAKLIMAT KHAS BERSAMA TUAN YDP DAN PARA PENGENDALI MAKANAN/MINUMAN DAERAH BALING

TARIKH : 28 September 2020 (Isnin)

MASA : 10.00 pagi – 12.00 tengahari

TEMPAT : Dewan Tun Abdul Razak Baru, Baling



BAHAGIAN PELESENAN

PEMILIHAN LOT PENJAJA BEBAS BERNIAGA

TARIKH : 21 – 22 Disember 2020 (Isnin – Selasa)
MASA : 9.00 pagi – 12.00 tengahari
TEMPAT : Kaunter Pelesenan, Majlis Daerah Baling



BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

PENGURUSAN TANDAS AWAM

- Pada tahun 2020, Majlis Daerah Baling menyertai Pertandingan Kempen Kebersihan Tandas sempena penganjuran tandas awam bersih peringkat negeri Kedah.
- Pertandingan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori tandas kegunaan awam seperti:
 1. *Tandas Awam Milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)*
 2. *Tandas Kawasan Pelancongan*
 3. *Tandas Perhentian Pengangkutan Awam*
- *Namun begitu, pertandingan tersebut tidak dapat diteruskan berikutan penularan wabak covid-19*

PENGURUSAN TANDAS AWAM

Berikut adalah senarai tandas awam yang diaudit pada tahun 2020:

BIL	KATEGORI TANDAS	TANDAS
1	Tandas Milik PBT	<ol style="list-style-type: none">1. Tandas Awam Pasar Awam Baling2. Tandas Pekan Ahad Baling3. Tandas Pasar Awam Kupang4. Tandas Pasar Besar Kuala Ketil5. Tandas Bangunan Arked Kuala Ketil
2	Tandas Perhentian Awam	<ol style="list-style-type: none">1. Stesen Bas Baling2. Stesen Bas Kuala Ketil
3	Tandas Pusat Pelancongan	<ol style="list-style-type: none">1. Tandas Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong2. Tandas Pejabat Pendakian Gunung Baling3. <i>Tandas Lata Bayu (milik Jabatan Perhilitan)</i>

PENGURUSAN TANDAS AWAM

TANDAS AWAM	GRED DIPEROLEHI		
	LELAKI	WANITA	UNISEX
Pasar Awam Baling	1 BINTANG	1 BINTANG	-
Pekan Ahad Baling	2 BINTANG	2 BINTANG	-
Lata Bayu Baling	TIADA BINTANG	TIADA BINTANG	-
Pasar Besar Kuala Ketil	TIADA BINTANG	TIADA BINTANG	-
Bangunan Arked Kuala Ketil	-	-	TIADA BINTANG
Stesen Bas Kuala Ketil	1 BINTANG	2 BINTANG	-
Pasar Awam Kupang	1 BINTANG	1 BINTANG	-
Stesen Bas Baling	1 BINTANG	2 BINTANG	-
Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong	1 BINTANG	2 BINTANG	-
Pejabat Pendakian Gunung Baling	TIADA BINTANG	TIADA BINTANG	-
Bangunan Koperasi Pasar Melayu (Tingkat Bawah)	-	-	56.14 % (1 BINTANG)
Bangunan Koperasi Pasar Melayu (Tingkat Atas)	-	-	51.59 % (1 BINTANG)

